

MOM tolong lobi silat — Pesaka

Oleh SHAHARUDIN RAMLI

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) meminta Majlis Olimpik Malaysia (MOM) membantunya melobi bagi memastikan silat olahraga disenaraikan pada Sukan SEA XVI di Manila, tahun depan.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata adalah sangat mengecewakan jika Manila tidak memasukkan silat olahraga pada Sukan SEA kali ini, setelah ia dipertandingkan pada Sukan SEA Jakarta dan Kuala Lumpur.

Berikutan itu, beliau berkata Pesaka berharap Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, campurtangan bagi menarik perhatian Manila menjadikan silat olahraga di antara sukan yang dipertandingkan.

"Selain Tan Sri Hamzah memberi perhatian untuk memasukkan ping pong dan badminton ke Sukan SEA, beliau juga mesti memberi tumpuan kepada silat yang tidak tergolong

antara 15 sukan yang disenaraikan oleh Persekutuan Olimpik Filipina (FOC) setakat ini," katanya, semalam.

Abdul Rahman mengulas laporan kelmarin yang memetik Tan Sri Hamzah sebagai berkata, beliau akan melobi untuk memastikan ping pong dan badminton dipertandingkan pada Sukan SEA di Manila.

Katanya, MOM mesti meyakinkan negara tuan rumah pada mesyuarat Persekutuan Sukan SEA (SGF) akan datang bahawa Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) akan membantu di segi teknikal dan peraturan pertandingan.

- 5 JAN 1990
Abdul Rahman berkata, silat mesti dipertandingkan kerana ia boleh membantu negara menambah pungutan pingat. B. Harlan (M)

Menurutnya, terdahulu, Manila dikatakan tidak berminat memasukkan silat pada Sukan SEA di tempat sendiri memandangkan Filipina tidak mempunyai badan induk silat dan sukan itu belum diketengahkan di sana.

Selangor selamatkan B. Harlan (M) Kejuaraan - 5 JAN 1990 Kebangsaan

SELANGOR sedia menjadi tuan rumah Kejuaraan Silat Kebangsaan Ke-V, bermula 9 Februari depan.

Majlis Seni Silat Negeri Selangor (MSNS) sebelum ini menolak tawaran menjadi tuan rumah kejohanan itu kerana dilaporkan kesuntukan masa.

Selangor terpaksa memikul tanggungjawab itu setelah Melaka menarik diri kejuaraan yang dijadual bermula pada 24 November lalu, kerana masalah kewangan.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata Selangor memberi persetujuan itu pada mesyuarat Pesaka disertai sama Majlis Kebudayaan Sukan Selangor, Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Majlis Seni Silat Selangor (Masis) dan MSNS, Rabu lalu.

Menurutnya, kira-kira 300 peserta daripada 18 anggota gabungan Pesaka dijangka



■ A RAHMAN HASSAN

menyertai kejohanan lapan hari di Dewan Sivik, Petaling Jaya.

Menurutnya setiap negeri dikehendaki menghantar 15 peserta termasuk lima wanita bagi merebut tiga piala pusingan yang diperkenalkan pada 1988 - Piala Presiden (juara keseluruhan), Piala Panglima (juara olahraga) dan Piala Laksamana untuk juara seni.

Pesaka akan memilih pesilat-pesilat diakhir kejohanan ini untuk menghadapi Jemputan Brunei pada Mac, Kejuaraan Dunia di Surinam, Ogos ini.